

09/03/2016 - Istiadat Penganugerahan Diploma Pengurusan Awam dan Felo INTAN 2016

Bismillahir rahmanir rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob
Penerima Anugerah Felo INTAN 2016;

Yang Berbahagia Dato' Jalil Marzuki
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);
Yang Berbahagia Dato' Raihan Sharif
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi);

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan Yusoff
Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN);
Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, dif-dif kehormat;

Para Graduan Diploma Pengurusan Awam INTAN,
dan Ahli-ahli keluarga, serta

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

PEMBUKA BICARA MERAIKAN KEJAYAAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan segala puji dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan iradat dan inayah-Nya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam majlis yang sungguh gemilang pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob atas pemilihan beliau sebagai penerima Anugerah Felo INTAN bagi tahun 2016. Felo INTAN ini merupakan anugerah berprestij yang dinobatkan kepada tokoh-tokoh perseorangan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan atas sumbangan mereka kepada negara, terutamanya dalam memajukan pentadbiran dan pengurusan awam.

3. Majlis ini juga merupakan detik bersejarah dan sebagai manifestasi kejayaan para graduan, setelah bertungkus-lumus mengikuti modul latihan dan pendedahan kepada pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Dengan itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan kerana telah menamatkan dengan jayanya Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam. Tidak dilupakan penghargaan saya kepada ibu bapa, suami atau isteri para graduan yang terpaksa berkorban dan berpisah dengan anak atau pasangan masing-masing sepanjang tempoh kursus. Saya percaya berkat doa dan sokongan daripada tuan-tuan dan puan-puan adalah antara penyumbang utama kepada kejayaan mereka semua pada hari ini.

4. Sekalung tahniah juga disampaikan kepada INTAN kerana komited dalam membentuk insan intelek yang bersahsiah murni dan berdedikasi tinggi. Sesungguhnya, para graduan harus berbangga kerana telah berkesempatan mengikuti kursus di INTAN yang merupakan institusi kecemerlangan latihan dan gapura kebestarian ilmu bagi sektor awam di tanah air.

MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Perkhidmatan awam merupakan tonggak utama kepada pentadbiran negara. Sebagai tulang belakang kepada pentadbiran negara, kita bertanggungjawab melaksanakan prakarsa-prakarsa strategik berpaksikan **Dasar Transformasi Nasional** demi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Menerusi enam Program Transformasi holistik yang dilahirkan di bawah lembayung Dasar Transformasi Nasional iaitu Program Transformasi Kerajaan, Ekonomi, Politik, Komuniti, Sosial dan juga Fiskal, **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** mencatatkan 5.0 peratus pada tahun 2015 dan **pengurangan defisit fiskal Kerajaan** daripada 6.7 peratus (pada 2009) kepada 3.2 peratus (2015).

6. Kita juga telah mencatat kejayaan-kejayaan membanggakan di persada global. Negara berada di tangga ke-18 dalam **Global Competitiveness Index** yang dikeluarkan oleh World Economic Forum bagi tahun 2015-2016, mengatasi sebilangan negara maju seperti Belgium, Luxembourg, Australia, Perancis dan Korea Selatan. Berdasarkan penarafan Bank Dunia pula, Malaysia menduduki tangga lima teratas di Asia untuk **Ease of Doing Business** tahun 2016, selepas Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan.

7. Malaysia turut meraih pengiktirafan antarabangsa apabila dilantik sebagai **Pengerusi ASEAN** pada tahun 2015, dipilih menganggotai **Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu** untuk tempoh 2015 hingga 2016, dan menganggotai **Lembaga Eksekutif UNESCO** untuk tahun 2015 hingga 2019. Profil Malaysia di arena global terus melonjak menerusi kejayaan penganjuran **ASEAN Summit and Related Summits dan East Asia Summit** tahun lalu.

8. Selain itu, pada tahun lalu juga Perkhidmatan Awam Malaysia telah berjaya menganjurkan buat julung kalinya **First ASEAN Civil Service Games** dan **Inaugural ASEAN Heads of Civil Service Retreat** dan termeterainya dokumen bersejarah bagi Perkhidmatan Awam ASEAN iaitu **Putrajaya Joint Declaration on ASEAN Post 2015 Priorities Towards an ASEAN Citizen-Centric Civil Service**.

9. Kesemua pencapaian dan pengiktirafan tersebut merupakan **keberhasilan komitmen Kerajaan dan kerja keras penjawat awam** yang tidak pernah surut. Sesungguhnya, perkhidmatan awam, khususnya **Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD)** yang

merupakan *premier service*, merupakan tiang seri yang memikul tanggungjawab melaksanakan segala inisiatif pembangunan negara dengan rapi serta berkesan.

MENDEPANI LANDSKAP BAHARU GLOBAL

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya ingin menyentuh mengenai realiti semasa ketidaktentuan global yang mendatangkan kesan terhadap kesejahteraan hidup rakyat. Kita berhadapan dengan **kejatuhan secara mendadak harga minyak mentah dan komoditi. Nilai ringgit pula telah menyusut** berbanding dolar Amerika. Permintaan global dan perdagangan dunia menjadi semakin lemah ekoran **kelembapan ekonomi negara China** yang merupakan kuasa ekonomi kedua terbesar dunia.

11. Berhadapan dengan kemelut ekonomi global tersebut, PTD harus teguh berdiri di belakang Kerajaan dalam membentuk *economic architecture* baharu negara. Dalam hal ini, **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang bermula tahun ini dan menjadi blueprint kemajuan negara**, harus kita laksanakan dengan sepenuh komitmen. *“The civil service as a whole needs to be a notch higher than before, while PTDs several notches more”*.

12. Rancangan Malaysia ke-11 juga memberi penekanan yang sama penting kepada **Capital Economy** dan **People Economy** kerana Kerajaan sedar dan yakin bahawa kemajuan sesebuah negara tidak bermakna sekiranya kedua-dua elemen ini tidak diseimbangkan sebaiknya. Sehubungan dengan itu, hasil pertumbuhan ekonomi perlu diagihkan kepada rakyat menerusi mekanisma tertentu demi meningkatkan People Economy, dan salah satu daripada ikhtiar strategik yang dapat memberi manfaat kepada rakyat adalah melalui **Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS**.

13. Diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2009, NBOS merupakan pendekatan kreatif dan bersepadu dalam memastikan pelaksanaan projek yang berkos rendah, berimpak tinggi, pantas dan mampan demi kesejahteraan rakyat. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia akan menganjurkan **International Conference on Blue Ocean Strategy: Transforming Nations through Creativity and Innovation** dari 16 hingga 18 Ogos tahun ini. Penganjuran persidangan antarabangsa sedemikian adalah yang julung kali di dunia.

14. *“This International Conference is part of the government’s effort to promote our NBOS initiatives to the rest of the world, to intensify our South-south cooperation as well as to build up the momentum from our successful hosting of several international events last year”*. Persidangan ini akan melibatkan beberapa orang Ketua Kerajaan/Negara, Menteri-menteri, Pegawai-pegawai Kanan dan peserta-peserta antarabangsa di kalangan negara-negara anggota ASEAN, Komanwel, OIC dan juga dari benua lain seperti Eropah, Afrika dan Amerika Latin.

ASPIRASI DAN HARAPAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Para graduan yang dihormati sekalian,

15. Demi memastikan penyampaian perkhidmatan sektor awam terus mendapat tempat di hati rakyat, tuan-tuan dan puan-puan perlu mengukuhkan kebolehan dan kemahiran dalam bidang-bidang strategik yang diperlukan. Ellen Van Velsor dan Joel Wright telah mengkaji kemahiran utama yang diperlukan oleh eksekutif masa hadapan. Kajian beliau yang disiarkan oleh *Center for Creative Leadership* edisi 2015 bertajuk *Expanding the Leadership Equation, Developing Next-Generation Leaders* mendapati lima bidang kompetensi utama untuk eksekutif masa hadapan ialah *Self-motivation/Discipline, Effective Communication, Learning Agility, Self-awareness dan Adaptability/Versatility*.

16. Sebagai pegawai PTD yang terlibat dengan perencanan dan pelaksanaan dasar-dasar awam, kita dituntut untuk menghasilkan inisiatif yang pragmatik serta memberi impak yang

signifikan kepada kesejahteraan rakyat. Justeru, untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian, pengukuhan bakat dan pemantapan kebolehan dalam aspek yang dinyatakan tadi, menjadi satu kemestian. Bakat dan kebolehan harus sentiasa diasah dan digilap. ***“Take time to sharpen your skills, your tools, and your resources, and you will be more productive”.***

Membawa Impak dan Keberhasilan

Para graduan yang dihormati sekalian,

17. Fundamental kepada **pewujudan perkhidmatan awam terunggul atau *public service par excellence*** ialah kebolehan pegawai PTD muda untuk memberi impak dan keberhasilan kepada organisasi dan perkhidmatan. Berpegang teguh kepada etos perkhidmatan awam iaitu sebagai pemelihara amanah pertiwi, menjadi tanggungjawab anda memberi perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Menjunjung Prinsip Kesetiaan dan Integriti

18. Kewajiban untuk berkhidmat bagi melaksanakan mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepada kerajaan merupakan amanah yang perlu ditunaikan dengan penuh taat setia. Suka saya mengingatkan bahawa setiap penjawat awam adalah terikat dengan ikrar yang dilafazkan **dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 2012** yang didahului dengan **ketaatan kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan.**

19. Kesetiaan kepada raja, negara dan Kerajaan yang memerintah atau ***government of the day*** yang diberi mandat oleh rakyat inilah yang mendasari etika profesionalisme kita sebagai penjawat awam. Dengan demikian, sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan imej perkhidmatan. Kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada Kerajaan dan perkhidmatan awam akan hanya dapat diraih menerusi taat setia penjawat awam yang tidak berbelah-bahagi.

20. Perlulah diingat bahawa selain kesetiaan, integriti merupakan tunjang kepada kejayaan organisasi. Malangnya, terdapat insiden negatif seperti pembocoran maklumat rasmi yang

belum disahkan oleh pihak berwajib hingga menjadi “viral” dalam media sosial. **Ketirisan maklumat terperingkat dan penyebaran berita-berita palsu boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan negara.** Justeru, tuan-tuan dan puan-puan berkewajiban untuk menjaga kerahsiaan maklumat penting dan memelihara keselamatan negara. Patuhi ikrar perkhidmatan dengan sepenuh integriti dan jangan biarkan kegiatan negatif ini berlaku sehingga menjejaskan imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.

PENGHORMATAN KEPADA FELO INTAN 2016

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Dalam majlis pada hari ini, kita merasa amat bangga kerana dapat memberi penghormatan kepada seorang tokoh perkhidmatan awam yang terkenal dan dihormati. **Ketokohan Felo INTAN 2016, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob** sememangnya diakui atas sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada perkhidmatan awam dan negara ***[Ketua Pengarah EPU dari 18 Disember 2006 hingga 17 Jun 2009].**

22. Saya bagi pihak seluruh anggota perkhidmatan awam merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob atas penganugerahan Felo INTAN 2016. Semoga YBhg. Tan Sri dan keluarga sentiasa dilimpahi rahmat kesejahteraan yang berterusan daripada Allah SWT jua.

PENYUDAH KALAM PENUTUP BICARA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

23. Kejayaan menerima Diploma Pengurusan Awam ini **bukan bermakna perjuangan tuan-tuan dan puan-puan telah berakhir.** Sebagai pentadbir muda, perjuangan dalam merintis jalan kepada kelangsungan kemajuan perkhidmatan dan negara sebenarnya baru bermula. Dalam

hal ini, saya ingin mengingatkan bahawa menjalankan tanggungjawab dan amanah sebagai penjawat awam **bukanlah semudah seperti melangkah di atas permaidani merah.**

24. Perjalanan panjang ini bakal dipenuhi onak dan duri dan pelbagai dugaan akan menghampiri. ***“At the same time, please find joy and be passionate in everything you do”***. Justeru, saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan diberikan taufik dan hidayah serta kekuatan untuk terus berkhidmat dengan seikhlas jiwa raga demi agama, bangsa dan negara tercinta. Semoga hasrat murni untuk menjadi warga perkhidmatan awam yang berdedikasi, akan dapat dilaksanakan demi menjunjung amanah dan tanggungjawab untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan awam yang gemilang.

Sekian, *Wabillahittaufig walhidayah wass*

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2048>